

Dr. M: Pembelian senjata canggih bukan perlumbaan

NEW DELHI 15 Dis.

Pembelian senjata canggih terbaru oleh negara Asia Tenggara termasuk Malaysia bukan merupakan perlumbaan senjata atau tanda negara-negara itu bersedia untuk berperang.

Demikian ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menyatakan bahawa ia bukan satu provokasi bahkan "sematamata untuk menggantikan kelengkapan yang terlalu lama digunakan."

"Oleh kerana kita mempunyai sedikit kemampuan maka kita gunalah sedikit belanja untuk melengkapkan pertahanan kita dengan membeli peralatan yang vbaru," tambahnya.

Beliau memberitahu, Malaysia tidak boleh terus menggunakan peralatan yang sudah lapuk tanpa membahayakan juruterbang-juruterbang kita.

Dr. Mahathir telah ditanya tentang Malaysia membeli jet pejuang MiG-29 untuk melengkapkan pertahanan udaranya.

Dalam sidang akhbar di akhir lawatan bekerja empat harinya di sini setelah Sidang Puncak G-15 ditangguhkan, Perdana Menteri ditanya pelbagai soalan daripada soal penswastan hinggalah kepada isu Kashmir, gerakan pemisahan di Selat Filipina, Timor-Timur, Bosnia, hubungan dua-hala dan lain-lain lagi.

Pertanyaan mengenai penswastan dan bagaimana Malaysia mencapai pertumbuhan ekonominya banyak berkisar bagaimana India dapat belajar daripada pengalaman Malaysia. Soalan itu memperlihatkan betapa Malaysia menjadi contoh sebuah negara sedang membangun yang diperhatikan.

Mengenai isu Kashmir yang menjadikan hubungan Pakistan-India tegang, dan India dikaitkan dengan masalah hak asasi manusia, Dr. Mahathir berkata bahawa Malaysia menyokong resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenainya.— *Utusan*.